


### CARTA ALIR PENGIMPORAN TEMUKUT SEBAGAI MAKANAN HAIWAN



## SYARAT-SYARAT KHAS PENGIMPORAN TEMUKUT SEBAGAI MAKANAN HAIWAN

- i. Permohonan perlu dibuat melalui portal Akta Makanan Haiwan 2009 (e-AMH) pada lama sesawang ini <http://eamh.dvs.gov.my/> berserta dokumen sokongan yang dinyatakan dalam portal.
- ii. Pengimportan temukut dibenarkan hanya bagi tujuan penghasilan makanan ternakan sahaja dan terbuka kepada pengimport yang terdiri daripada pengilang memproses makanan ternakan.
- iii. Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah terdiri dari **beras tidak bergred** yang isi hancur beras adalah kurang dari 2/10 purata panjang bijian penuh beras berukuran 7.35mm. **Ukuran saiz temukut** yang digunapakai adalah **tidak melebihi daripada 1.47mm.**
- iv. **Komposisi** yang dibenarkan untuk pengimportan temukut bagi diproses sebagai makanan ternakan adalah **90% temukut berukuran tidak lebih dari 1.47mm** dan **10% beras hancur halus berukuran di antara 1.48mm hingga 3.68mm.**
- v. Pemegang lesen borong beras daripada KPB tidak dibenarkan untuk menjadi pengimport temukut. Pengesahan berkaitan pemegang lesen borong beras boleh dirujuk ke Unit Perlesenan, Cawangan Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Putrajaya.
- vi. Pengimport hendaklah mempunyai **Lesen Mengimport, Sijil PendaftaranPembuat dan Sijil Pendaftaran Penjual makanan haiwan** daripada Lembaga Makanan Haiwan, DVS.
- vii. Kemasukan temukut hanya dibenarkan melalui 4 pelabuhan sahaja iaitu Pulau Pinang, Port Klang, Pasir Gudang, dan Kuantan.
- viii. Bagi tujuan kawalan, pengimport hendaklah memohon permit pemindahan antara negeri daripada mana-mana Pejabat KPB berhampiran jika melibatkan pemindahan temukut antara negeri.